



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/60/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN PENGINDAHAN LANDSKAP DI KAWASAN  
PERSIARAN PERDANA (BOULEVARD) WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori CE Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) dan Kategori CE Pengkhususan CE14 (Landskap Di Luar Bangunan)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **1 OKTOBER 2024 (SELASA), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **1 OKTOBER 2024 (SELASA)** hingga **4 OKTOBER 2024 (JUMAAT)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran berjumlah **RM50.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **10 OKTOBER 2024 (KHAMIS)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>

**(LAr.HASLINDA BINTI KHALID)**  
Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Perbadanan Putrajaya